

**Pemuda MCA Gesa Doktor Persendirian Sertai Misi Ke Negeri Dilanda Banjir
Bernama
Dec 30, 2014**

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Pemuda MCA meminta pakar perubatan persendirian untuk menjadi sukarelawan Program YouthCare bagi membantu mangsa banjir terutama di pantai timur.

Ketua Pemuda MCA, Chong Sin Woon berkata kehadiran mereka amat penting bagi membantu pakar perubatan awam yang telah dikerahkan oleh Kementerian Kesihatan untuk memeriksa dan merawat mangsa.

"Seperti yang diketahui, mangsa banjir terdedah dengan risiko pelbagai penyakit seperti demam denggi, penyakit kulit, keracunan makanan dan sebagainya.

"Oleh itu kami ingin mengajak doktor-doktor persendirian untuk bersama kami bagi merawat atau mencegah mangsa dari sebarang penyakit berkaitan banjir," katanya pada sidang media di sini Selasa.

Sementara itu, katanya, Pemuda MCA menyediakan kemudahan pengangkutan untuk para belia terutama yang berasal dari Kelantan tetapi menetap di Kuala Lumpur untuk pulang ke kampung membantu anggota keluarga mereka membersihkan dan memulihkan kawasan kediaman yang telah dilanda banjir.

Katanya rombongan pertama akan bertolak ke Kelantan esok dengan menaiki bas pada jam 9 pagi dan akan berhenti di Gua Musang, Kuala Krai dan Kota Bharu.

Mereka yang berminat untuk pulang ke Kelantan esok boleh menghubungi Ketua Koordinasi YouthCare, Nicole Wong di talian 012-3269069 atau Sean Tan (016-6596888), katanya.

Jelasnya rombongan yang turut membawa barangan keperluan mangsa yang dibeli dari hasil dana yang dikumpul tabung YouthCare akan pulang ke Kuala Lumpur pada Jumaat.

Seterusnya Pemuda MCA mengajak golongan belia untuk mengambil kesempatan sempena cuti tahun baharu menyertai rombongan kedua misi YouthCare ke Kelantan pada pagi Jumaat.

Sin Woon turut berkata pihaknya akan meneruskan misi rombongan sukarelawan ke negeri-negeri yang telah pulih dari banjir untuk membantu mangsa membersihkan kawasan mereka.

Sementara itu, mangsa banjir disaran untuk mengemukakan senarai barang keperluan yang diperlukan mereka di laman facebook YouthCare Movement Malaysia.

"Perkara ini bagi memudahkan kami untuk mengkoordinasi barang sumbangan kerana

mangsa di setiap lokasi mungkin memerlukan barang keperluan yang berbeza" katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096921>